

KK bandaraya pertama wujud perjanjian berkembar dengan Portland di AS

Jason Santos DE 12-10-2014 2

KOTA KINABALU: Bandaraya ini mencipta sejarah baru-baru ini selepas muncul sebagai yang pertama dalam kalangan semua bandaraya di negara ini untuk mewujudkan perjanjian bandaraya berkembar dengan Bandaraya Portland, Oregon.

Persefahaman itu antara lainnya akan membolehkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang termasuk penjagaan alam sekitar, pemuliharaan haiwan, sains dan pendidikan serta pembangunan ekonomi antara penduduk kedua-dua bandaraya.

Satu upacara penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) diadakan pada 28 September, apabila bandaraya ini diwakili oleh Mayor Datuk Abidin Madingkir dan Presiden Persatuan Bandaraya Berkembar Portland-Kota Kinabalu, Ellen Schmidt-Devlin.

Persefahaman itu, yang sah selama tiga tahun, dilaksanakan selepas kedua-dua Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) menggalakkan perancangan antara bandar kedua-dua negara itu, susulan lawatan Presiden AS, Barack Obama ke negara ini pada April.

"Kita bukan yang terbaik dalam semuanya, tetapi kita cemerlang dalam pemuliharaan hutan asli kita," kata Madingkir sementara beliau berterima kasih kepada Schmidt-Devlin.

Hadir sama pada upacara penandatanganan itu adalah Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Seri Masidi Manjun, Duta AS ke Malaysia, Joseph Yun, Pengerusi Majlis Metro Portland, Tom Hughes, Konsul Kehormat Malaysia dan Presiden pengasas Pusat Perhutanan Sedunia, John Blackwell dan Pengurus Besar Lembaga Pelancongan Sabah, Datuk Irene Charuruks.



MASIDI (ketiga dari kiri) dan Madingkir (kedua dari kiri) menerima cendera kenangan daripada Schmidt sambil diperhatikan oleh yang lain.

Beliau berkata penandatanganan MoU itu mengembirakannya kerana Kota Kinabalu menjadi bandaraya pertama di Malaysia mengadakan hubungan dengan Bandaraya Portland.

Madingkir juga berharap, melalui MoU itu, kerjasama lanjut akan diwujudkan dengan Portland dalam bidang ekopelancongan, pendidikan dan pemuliharaan.

Sementara itu, Schmidt berkata, "Apabila kami melihat Kota Kinabalu buat pertama kalinya, kami mempunyai banyak persamaan.

"Penduduknya mesra dan kami mesra. Kamu ada hutan, kami ada hutan. Kamu ada gajah, kami ada Chendra (gajah pigmi dari Sabah di Zoo Oregon)," katanya.

Beliau berkata, minat sama dikongsi oleh penduduk di Portland, Oregon terhadap pemuliharaan dan pendidikan.

Dua hari kemudian, satu lagi MoU ditandatangani antara Portland University dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam bidang pertukaran penuntut dan universiti Amerika itu akan menghantar

kumpulan perintis penuntut ke UMS pada Mac 2015.

MoU itu ditandatangani antara Naib Canselor UMS, Dr Shahril Yusof dan Naib Provost Pengantarabangsa serta Naib Presiden Interim Kewangan dan Pentadbiran Portland University, Profesor Dr Kevin Reynolds.

Masidi yang memimpin delegasi kecil Sabah ke AS juga membuat kunjungan hormat kepada Mayor Portland, Charlie Hales di Dewan Bandaraya Portland.

Beliau mengambil peluang itu untuk memberi taklimat kepada Hales tentang pelbagai usaha yang sedang dibuat oleh Kerajaan Negeri terhadap pemuliharaan hutan, mengatakan dasarnya sekarang termasuk memastikan 55 peratus Sabah kekal sebagai hutan terlindung.

"Anda akan pergi ke hutan hujan tertua di dunia. Hutan hujan kami adalah yang tertua di dunia, malah lebih tua daripada Amazon.

"Pokok tropika tertinggi di dunia terdapat di Sabah. Sebab itulah kami cuba menggalakkan pelawat datang ke Sabah," jelas Masidi apabila

menghulurkan jemputannya kepada Hales.

Masidi yang diiringi oleh Yun berkata lawatan Sabah ke AS itu juga bertujuan memanfaatkan bidang kerjasama antara kedua-dua bandaraya, menambah minat besar jelas kelihatan dalam bidang perhutanan dan perdagangan.

Malaysia adalah pasaran eksport keempat terbesar bagi Oregon, daripada kraf kepada produk makanan.

Semasa pertemuan itu, Duta AS ke Malaysia juga menyatakan kepada Hales, Malaysia kini sedang memperkenalkan satu program pengecualian visa dengan AS, mengatakan buat masa ini rakyat Malaysia masih perlu mendapatkan visa untuk masuk ke Amerika Syarikat.

Beliau berkata usaha serupa telah dibuat dengan Korea dan Taiwan sebelum ini dan akan berfaedah kepada kedua-dua pihak sekiranya rancangan itu terlaksana.

Hales, yang menyokong idea, berkata kedua-dua Portland dan Kota Kinabalu bakal menuai hasilnya kalau idea itu menjadi kenyataan, melalui perjalanan antara dua hala itu.

Rombongan Sabah itu juga bertemu dengan Presiden Operasi Perniagaan kelab bola sepak Portland Timbers Oregon, Mike Golub, yang juga suka dengan kemungkinan menghantar pemain bola sepaknya ke Sabah dan sebaliknya.

Masidi menyatakan, Sabah mempunyai pasukan bola sepak wanita terbaik di Malaysia dan pertukaran kemahiran dengan pasukan Portland Timbers itu tentu memberi faedah besar.

Semasa lawatan itu, Pusat Perhutanan Sedunia juga mengumumkan mereka akan memberi peluang sama kepada sebarang rakyat Sabah untuk mengambil bahagian dalam latihan tajaannya di Portland.